

Untuk Warga Asing yang Berdaftar sebagai Penduduk di Jepun

Mulai bulan Oktober 2015, anda akan dimaklumkan Nombor Keselamatan Sosial dan Cukai 12 digit anda (juga dikenali sebagai Nombor Individu atau “Nombor Saya”).

1. Apakah itu Nombor Individu (dipanggil “Nombor Saya”)?

Nombor Individu dikeluarkan di bawah Sistem Nombor Keselamatan Sosial dan Cukai yang merupakan asas untuk menghubungkan dan meletakkan maklumat peribadi bersama yang terdapat dalam pelbagai agensi di bawah milik nama individu tersebut. Sistem ini berperanan sebagai infrastruktur sosial untuk meningkatkan kecekapan dan ketelusan sistem keselamatan sosial dan cukai untuk memberikan kemudahan yang lebih baik kepada orang ramai dan mewujudkan masyarakat yang adil dan saksama.

Warga asing yang berdaftar sebagai penduduk di Jepun (penduduk jangka pendek, penduduk tetap khas dll.) juga akan menerima Nombor Individu mereka.

2. Bila perlu menggunakan Nombor Individu

- ◆ Anda perlu mengemukakan Nombor Individu anda kepada majikan anda untuk digunakan bagi penyediaan sijil cukai pendapatan dan pegangan yang diperlukan untuk prosedur cukai dan keselamatan sosial.
- ◆ Anda perlu mengemukakan Nombor Individu anda kepada firma keselamatan dan syarikat insurans untuk notasi pada dokumen perundangan yang digunakan untuk prosedur cukai.
- ◆ Anda perlu mengemukakan Nombor Individu anda kepada pejabat pencen untuk menuntut manfaat pencen pekerjaan anda.
- ◆ Anda perlu mengemukakan Nombor Individu kepada pejabat perbandaran anda untuk mendapat manfaat kebajikan.

3. Prosedur yang diperlukan

- ◆ Pejabat perbandaran akan menghantar kad pemberitahuan ke alamat berdaftar anda. Anda mungkin tidak menerima kad pemberitahuan jika alamat semasa anda tidak didaftarkan.
- ◆ Bermula pada bulan Oktober 2015, seisi rumah akan menerima, melalui penghantaran berdaftar, satu sampul mengandungi kad pemberitahuan yang menunjukkan Nombor Individu untuk ahli-ahli dalam seisi rumah. Kad ini penting kerana membuktikan Nombor Individu anda dalam prosedur cukai dan keselamatan sosial. Berhati-hati untuk tidak membuangnya secara tidak sengaja.
- ◆ Anda boleh memohon Kad Nombor Individu. Beberapa pilihan permohonan disediakan seperti mengembalikan permohonan untuk Kad Nombor Individu dengan foto wajah anda disertakan melalui surat-menyurat atau memohon secara dalam talian dengan foto wajah anda ditangkap menggunakan telefon pintar. Prosedur permohonan terperinci akan diterangkan dalam bahan arahan disertakan dalam sampul yang dihantar pada atau selepas bulan Oktober 2015.
- ◆ Kemudian, anda akan menerima Kad Nombor Individu anda. Pada bulan Januari atau selepas itu pada tahun 2016, anda akan menerima pemberitahuan bahawa Kad Nombor Individu anda telah sedia untuk dikeluarkan. Jika anda memilih untuk menerima Kad di pejabat perbandaran, sila bawa tiga dokumen yang berikut. Pengeluaran pertama adalah percuma.
 - ✓ Kad pemberitahuan
 - ✓ Pemberitahuan pengeluaran (diterima selepas permohonan)
 - ✓ ID Peribadi (lesen memandu, pasport, kad penduduk dll.)

4. Apakah itu Kad Nombor Individu?

- ◆ Kad ini membuktikan Nombor Individu dan juga identiti anda dalam sebarang prosedur berkaitan Nombor Individu. Kad ini juga berfungsi sebagai kad ID rasmi anda.
- ◆ Anda boleh menambah sijil elektronik pada Kad secara percuma dan menggunakannya untuk pengembalian cukai dalam talian.
- ◆ Anda juga boleh menggunakan Kad untuk menerima perkhidmatan yang ditawarkan oleh kerajaan tempatan anda sebagaimana yang dinyatakan dalam ordinannya (contohnya perkhidmatan perpustakaan awam, pengeluaran sijil pendaftaran yang dimeterai). Sesetengah majlis perbandaran juga membenarkan kedai serbaguna untuk mengeluarkan sijil awam.
- ◆ Kad Pendaftaran Penduduk Asas anda akan kekal sehingga tarikh luputnya. Walau bagaimanapun, anda perlu menyerahkannya sebaik sahaja anda menerima Kad Nombor Individu.
- ◆ Cip IC pada Kad Nombor Individu akan mengandungi nama anda, alamat, tarikh lahir, jantina, Nombor Individu dan maklumat lain ditulis pada kad serta sijil elektronik sekiranya berkenaan. Tiada maklumat peribadi yang terlalu sensitif akan direkodkan seperti pendapatan anda.

5. Langkah berjaga-jaga dalam pengendalian Nombor Individu

- ◆ Tiada siapa pun yang dibenarkan untuk mengguna atau mengambil Nombor Individu melainkan dibenarkan oleh undang-undang. Jangan tunjukkan Nombor Individu anda kepada orang lain tanpa berjaga-jaga.
- ◆ Sesiapa yang memperoleh Nombor Individu milik orang lain secara tidak sah atau mana-mana individu yang dibenarkan untuk mengendalikan Nombor Individu milik orang lain yang memberikan pihak ketiga dengan fail mengandungi Nombor Individu dan maklumat peribadi sensitif yang lain dalam cara yang tidak sah akan dikenakan hukuman.

6. Maklumat Hubungan

- ◆ Maklumat pusat panggilan
0570-20-0178 (Bahasa Jepun)
0570-20-0291 (Bahasa Inggeris, Bahasa Cina, Bahasa Korea, Bahasa Sepanyol dan Bahasa Portugis)
[Sehingga 30 September 2015]
9:30 - 17:30 pada hari minggu (ditutup pada hujung minggu, cuti awam dan cuti hujung tahun/Tahun Baru)
[1 Oktober 2015 sehingga 31 Mac 2016]
9:30 - 20:00 hari minggu, 9:30 - 17:30 hujung minggu dan cuti awam
Nota: Caj panggilan akan dikenakan kerana ini ialah perkhidmatan Navi-Dial.



**Sila berhati-hati dalam menggunakan Nombor Individu anda.
Nombor Individu sah sepanjang hidup anda.**